

Hidangan berbuka puasa di Klana Resort Seremban berkonsepkan Nostalgia Ramadan

SEREMBAN - Nostalgia Ramadan merupakan konsep yang dikedah-tengahkan Klana Resort Seremban pada bufet Ramadan berbuka puasa, tahun ini.

Menurut Chef Eksekutifnya, Abdul Razak Abdul Ghani, antara hidang istimewa yang akan dihidangkan ialah 24,000 cucuk sate Kajang dan lebih 100 ekor kambing golek.

Beliau berkata, memandangkan sambutan tahun lalu terhadap dua jenis menu itu sangat membarangsangkan, Klana Resort Seremban membuat persediaan hampir sekali ganda jumlah berbanding tahun sebelumnya.

"Sate kita ambil dari Kajang bagi mengekalkan kualiti dan rasa makanan itu. Jika tahun lalu kita

tempah 18,000 cucuk tetapi pada tahun ini bertambah menjadi 24,000 cucuk," katanya di sini.

Abdul Razak berkata, dengan berkonsepkan Nostalgia Ramadan, Klana Resort Seremban menjanjikan sesuatu yang terbaik bagi memastikan semua pengunjungnya berpuas hati dengan hidangan yang disediakan.

Menurutnya, sebanyak 83 jenis menu berlainan akan disediakan setiap hari, termasuk mengekalkan menu makanan tradisi Negeri Sembilan seperti masak lemak daging salai, gulai telur itik, ikan keli salai, lemak dan rendang serta ikan bakar.

"Hanya mengenakan bayaran



Antara hidangan berbuka puasa yang bakal menemui pelanggan.

sebanyak RM75 bagi dewasa dan RM30 bagi kanak-kanak, mereka boleh menikmati semua hidangan tanpa had dan masa.

"Ruang untuk terawih dan sembahyang Maghrib juga turut disediakan bagi keselesaan pe-



Chef Abdul Razak menunjukkan menu gulai ayam masak lemak cili padi, yang merupakan salah satu menu utama pada bufet Ramadan 2017 Klana Resort Seremban.

ngunjung," katanya.

Bagi mereka ingin mendapatkan harga promosi, mereka boleh membuat pembelian baucar ber-

mula sekarang sehingga 26 Mei ini dengan harga RM60 sahaja, iaitu penjimatan sehingga RM15 bagi setiap baucar.